

BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
 KUALITI KEUTAMAAN KAMI


www.mbpj.gov.my


Majlis Bandaraya Petaling Jaya


[pjcitycouncil](#)

[pjkitा](#)

[smartpj](#)

BIL. 5/2022

• ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

☎ : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA


MBPJ KONGSI KEMERIAHAN SAMBUTAN AIDILFITRI, RAYA@PJ

Berita Penuh MS 3

10 THEMATIC PROJECTS

Hasrat ini telah diterjemahkan melalui penetapan Key Performance Indicator (KPI) dan 10 Thematic Projects yang menjadi fokus utama di dalam setiap aspek perancangan pembangunan bandar


Berita Penuh MS 2


MERAIKAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA PETALING JAYA

Selama 15 tahun memegang status bandar raya, pelbagai cabaran dan rintangan telah ditempuh dalam usaha menjayakan misi dalam Melaksanakan Agenda Perbandaran Pintar, Mampan, Berdaya Tahan, Dinamik Menerusi Tadbir Urus Cekap, Berkesan dan Peduli Komuniti dan visi Petaling Jaya Ke Arah Bandaraya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik Menjelang 2025.

Berita Penuh MS 4

Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my Majlis Bandaraya Petaling Jaya pjcitycouncil pjkita smartpj

PENAUNG
Mohamad Azhan bin Md Amir



PENASIHAT
Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin
Muhammed Azmi bin Yusoff
Hasbullah bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edur binti Mazelan
Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi bin Mohammed Halik
Intan Khairana binti Md. Zali
Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Badrul Hisham bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
• 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 • 03-7958 2695 • media@mbpj.gov.my

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Aznan bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Ir. Ismail bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbandaraan
Tel : 03-7955 2354

Tn. TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman
Timbalan Pengarah,
Jabatan Perancang
Tel : 03-7955 7934

Dr. V. Chithradav
Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekutaran
Tel : 03-7955 2381

Datin Sr. Amreeta Kaur a/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Ismathinoor bin Hj. Abd Rahman
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 366

Mohd Rosnani bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Masyarakat
Tel : 03-7960 3293

Mohd Fauzi bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan
Tel : 03-7958 8081

LAr. Dr. Badrulzaman bin Jaafar
Pengarah,
Jabatan Lanskap
Tel : 03-7804 8907

Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Norzita binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Noor Najwa binti Said
Penolong Pengarah 1
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0268 samb. 114

Basri bin Basir
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi a/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055

**Pejabat Cawangan
Petaling Jaya Utara**
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942

10 THEMATIC PROJECTS

Pada 24 Mei 2022, telah diadakan perhimpunan kualiti yang bertemakan *safe and resilient city* yang melibatkan gabungan beberapa jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Lanskap Serta Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Perhimpunan kualiti ini dianjur berdasarkan *ten thematic* projek yang berperanan memastikan Bandar Raya Petaling Jaya yang dirancang menjadi sebuah bandaraya “a next generation city” yang inklusif, terhubung, *collaborative*, berekologi, sihat, dinamik, berteknologi digital dan menjadi bandaraya *resilient* kemampannya bagi mendepani gangguan dan kejutan terhadap alam sekitar, komuniti dan ekonomi.

Pada perhimpunan tersebut, Ybrs. Tuan Mohamad Azhan Bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya telah melancarkan logo qasic dan telah menyampaikan watikah pelantikan kepada pasukan reka bentuk bandar selamat (CPTED), pasukan qasic, konsultan Pj Heart Safe City dan penyampaian cadangan terbaik



MERIAHNYA RAYA@PJ



Pada 20 Mei 2022, lebih lapan ribu tetamu telah memeriahkan sambutan hari raya aidilfitri, Raya@PJ yang diadakan di laman MBPJ, Seksyen 52, Petaling Jaya.

Penganjuran rumah terbuka ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara majlis dan masyarakat khususnya penduduk petaling jaya disamping menjadi simbolik mengeratkan lagi perpaduan di antara kaum.

Sambutan Raya@PJ ini menampilkan kelainan dengan mengetengahkan konsep juadah makanan dan minuman daripada 14 buah negeri. majlis sambutan ini juga di isi dengan pelbagai aktiviti antaranya Anugerah Bazar Ramadhan Mampan 2022, Integriti Raya@PJ bersama peniaga, pertandingan gerai dan pakaian tercantik, persembahan artis, dan juga penyampaian duit raya kepada kanak-kanak.



MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI NEGERI SELANGOR



Majlis rumah terbuka aidilfitri negeri Selangor bagi daerah Petaling telah diadakan pada 21 Mei 2022, bertempat di padang awam MBSJ, Puchong Indah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama isteri Datin Seri Masdiana Muhamad telah hadir memeriahkan majlis serta beramah mesra dengan warga petaling. turut hadir Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Bin Md Amir, ahli parliment, adun bersama pengurusan tertinggi MBPJ.

Kumpulan kebudayaan & kesenian dan kombo majlis bandaraya petaling jaya telah dijemput bagi acara pembukaan. Manakala booth MBPJ telah mendapat tempat ketiga bagi pertandingan gerai tercantik.

Para tetamu juga telah dihiburkan dengan persembahan artis jemputan antaranya Jay Jay, Ramlah Ram dan Tajul Arif.



MERAIKAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA PETALING JAYA



Sabtu tahun, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menyambut sambutan Hari Bandar Raya pada tanggal 20 Jun. Detik dan waktu ketika diisyiharkan status bandar raya masih kekal dan segar di minda masyarakat Petaling Jaya.

Seiring dengan kepesatan pembangunan global, MBPJ terus bergerak maju kehadapan. Pelbagai anugerah, kejayaan dan pengiktirafan diterima dan diraih sama ada dalam negara maupun peringkat global menjadi mercu tanda aras kecemerlangan bahawa Majlis kekal fokus dan beriltizam untuk membangunkan bandar raya Petaling Jaya sebagai bandar raya pintar dan berdaya tahan.


Selama 15 tahun memegang status bandar raya, pelbagai cabaran dan rintangan telah ditempuh dalam usaha menjayakan misi dalam Melaksanakan Agenda Perbandaran Pintar, Mampan, Berdaya Tahan, Dinamik Menerusi Tadbir Urus Cekap, Berkesan dan Peduli Komuniti dan visi Petaling Jaya Ke Arah Bandaraya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik Menjelang 2025.

Kini telah memasuki tahun ke-16 menggalas gelaran tersebut, Majlis Bandaraya Petaling Jaya tekad untuk terus komited dalam menyediakan dan menawarkan perkhidmatan terbaik serta pembangunan mampan dalam memenuhi aspirasi penduduk setempat yang tinggi.

Mengambil kira negara kini berada dalam fasa peralihan endemik COVID-19 dan fokus perlu diberikan kepada peranan dan tanggungjawab semua pihak untuk memulihkan dan memacu semula ekonomi khusunya di Petaling Jaya, “Merangsang Ekonomi, Mensejahterakan Komuniti” dan berslogarkan “PJKita Memacu Daya Gemilang” diangkat sebagai tema sambutan pada edisi kali ini.

Majlis sentiasa memfokuskan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat termasuk perkhidmatan dari segi pengurusan seperti sisa pepejal, perkhidmatan kebersihan, keindahan dan kelestarian landskap, penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam selain keharmonian komuniti dan kejiraninan melalui platform Majlis Perwakilan Penduduk dan rukun tetangga.

Dalam usaha menjadikan Petaling Jaya ke arah menjadi bandar raya lebih sejahtera, makmur dan berdayahuni, pelbagai program dan aktiviti sedia ada oleh jabatan-jabatan Majlis dengan kerjasama persatuan kakitangan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan, kewangan, kesihatan, pihak swasta dan komuniti setempat akan diadakan sepanjang sambutan itu nanti.



MENAIK TARAF LAMPU JALAN LED DISELURUH PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya kini sedang berusaha menjalankan kerja-kerja naik taraf lampu jalan di seluruh kawasan Petaling Jaya. Kerja naik taraf itu adalah menggunakan jenis diod pemancar cahaya (LED) sebagai sebahagian projek penggantian lampu di bandar ini.

Penggunaan lampu jenis LED yang lebih terang dan cerah ini dapat memberikan manfaat yang banyak dan kegunaan. Antara kelebihan lampu LED adalah penjimatan tenaga, jangka hayat yang panjang dan meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya. Jumlah keseluruhan lampu jalan di bawah seliaan MBPJ sehingga tahun 2021 adalah sebanyak 17,600 unit. Daripada jumlah tersebut, 9,953 unit lampu telah digantikan kepada LED pada tahun tersebut.

Bagi tahun 2022, Majlis telah menyasarkan sebanyak 1,491 unit lampu lampu jalan dinaiktaraf kepada LED sehingga penghujung tahun ini. Ini menjadikan baki lampu yang belum dinaiktaraf menjelang awal tahun hadapan adalah sebanyak 5,154 unit lampu iaitu bersamaan dengan 31 peratus (%) belum ditukarkan kepada LED.

MBPJ menjangkakan lampu jalan MBPJ akan mencapai 100% LED dalam tempoh 3 tahun mengikut peruntukan yang diterima melalui peruntukan Majlis, MARRIS dan Program Bandar Selamat. Dalam tempoh tersebut, Majlis melalui Jabatan Kejuruteraan akan memfokuskan kepada penggantian lampu kepada jenis LED dan kerja- kerja pembaikan kecil (mengikut keperluan di tapak) yang akan memberi kesan kepada pencahayaan lampu.

Untuk makluman, Majlis sedang menyiapkan kerja-kerja menaik taraf LED di Lorong Utara Kecil (berhampiran Kompleks Sukan Astaka) yang bermula pada 8 Mac 2022. Dalam pada yang masa yang sama, kerja naik taraf lampu LED sedang dilakukan

di Taman Tasik Komuniti Kelana Jaya yang dijangka siap pada 31 Mei 2022. Berikut adalah kawasan seterusnya yang akan dinaik taraf kepada lampu LED:

- a) Jalan 17/21, Jalan 5/46 dan Jalan Cempaka.
- b) Persiaran Meranti, Persiaran Margosa, Persiaran Industri, Jalan PJU 7/1, Jalan PJU 7/7 Dan Jalan PJU 7/15.
- c) Jalan PJS 1/15, Jalan Sri Manja, Jalan PJS 1/35, Jalan PJS 1/50 Dan Jalan PJS 1/52.
- d) Jalan PJS 1/14, Jalan PJS 1/17, Jalan PJS 1/21, Jalan PJS 1/21a, Jalan Maju Jaya 2, Jalan Maju Jaya 5 dan Jalan Maju Jaya 9.
- e) Jalan Pekaka 8/1, Jalan Pekaka 8/2, Jalan Pekaka 8/3, Jalan Pekaka 8/4, Jalan Pekaka 8/5, Jalan Pekaka 8/6, Persiaran Mahogani dan Jalan Teknologi.
- f) Jalan PJU 3/22, Jalan PJU 3/31, Persiaran Tropicana, Jalan Tropicana Selatan, Jalan TR 2/1, Jalan TR 2/2, Jalan TR 2/3, Jalan TR 2/4, Jalan TR 2/5, Jalan TR 9/1, Jalan TR 9/2, Jalan TR 9/3, Jalan TR 9/4, Jalan TR 9/5, Jalan TR 9/6, Jalan TR 9/7, Jalan TR 9/8 dan Jalan TR 9/9.
- g) Jalan PJU 1A/1, Jalan PJU 1A/5, Jalan PJU 1A/19, Jalan PJU 1A/25, Jalan PJU 1A/25A, Jalan PJU 1A/25B, Jalan PJU 1A/25C, Jalan PJU 1A/25D, Jalan PJU 1A/25E, Jalan PJU 1A/27, Jalan PJU 1A/27A, Jalan PJU 1A/27B, Jalan PJU 1A/27C, Jalan PJU 1A/27D, Jalan PJU 1A/27E, Jalan PJU 1A/27F, Jalan PJU 1A/27G, Jalan PJU 1A/29, Jalan PJU 1A/29A, Jalan PJU 1A/29B dan Jalan PJU 1A/29C.

INTEGRITI

**KEJUJURAN DAN KETULUSAN,
KESEMPURNAAN, KEUTUHAN**

**Jom Hebah
INTEGRITI
Bil. 4/2022**

INTEGRITI bermula dari **DIRI SENDIRI**.
integriti adalah **PERBUATAN** yang **BAIK**
dan **BETUL** di sisi **AGAMA, UNDANG-UNDANG**
dan **PERATURAN**, walaupun
tiada mata yang memandang.

www.mbpj.gov.my



LOKALITI DENGGI

Jumlah lokaliti wabak juga menunjukkan peningkatan daripada 27 lokaliti kepada 44 lokaliti, iaitu 6 wabak baru, 29 lokaliti wabak terkawal, 3 lokaliti wabak tak terkawal dan 6 lokaliti wabak hotspot dicatatkan. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan.

Bagi pemeriksaan kebersihan dan keceriaan tandas awam pula, ianya dilakukan secara aktif dan berkala mengikut keperluan oleh pegawai pemeriksa yang telah diberi kuasa oleh PBT yang bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan penarafan "star rating".

Tandas awam akan digredkan dengan menggunakan borang pemeriksaan / penggredan tandas awam yang telah dikeluarkan seperti di dalam garis panduan penggredan tandas awam oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sijil pengiktirafan diberikan kepada operator-operator yang mengendalikan kebersihan tandas awam mengikut markah yang telah dinilai seperti berikut :

| PENGIKTIRAFAN | MARKAH (%) | BINTANG |
|------------------|------------|---------|
| Amat Bersih | 91-100 | ★★★★★ |
| Bersih | 81-90 | ★★★★★ |
| Memuaskan | 71-80 | ★★★★ |
| Sederhana Bersih | 61-70 | ★★★ |
| Kurang Bersih | 51-60 | ★★ |



Pemeriksaan dan pengauditan tandas awam dilaksanakan bagi tujuan memantau kebersihan dan keselamatan selain menjaga imej Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Tandas awam ini telah dikategorikan dalam 16 kategori premis antaranya ialah tandas awam milik PBT, tandas awam restoran, tandas awam pusat membeli belah, tandas awam stesen minyak dan sebagainya. Berikut ringkasan pemarkahan bagi penggredan tandas mengikut kategori bagi sepanjang bulan April 2022.

| BIL. | KATEGORI | PENARAFAN BINTANG | | | | | JUMLAH | |
|--------------------|------------------|-------------------|----|----|----|----|--------|--|
| | | BIL. TANDAS | | | | | | |
| | | 5* | 4* | 3* | 2* | 1* | | |
| 1. | Tandas Awam MBPJ | 7 | 6 | 0 | 0 | 0 | 13 | |
| 2. | Pejabat Majlis | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | |
| 3. | Dewan Serbaguna | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | |
| 4. | Stesen Minyak | 2 | 7 | 2 | 0 | 0 | 11 | |
| 5. | Sekolah | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 | |
| 6. | Pusat Beli Belah | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | | | | 33 | |



Tindakan mencegah Demam Denggi

Jika anda berada di kawasan wabak denggi:

- Lindungi diri dari gigitan nyamuk
- Sembur aerosol
- Gunakan repelan
- Pakai baju lengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah
- Elakkan berada di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu awal pagi dan senja

Jika anda datang dari tempat berisiko denggi:

Dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan sekiranya mengalami gejala jangkitan demam denggi

Bekas-bekas yang menakung air hendaklah dicuci dan dibuang airnya atau ditutup kemas.

Masukkan bahan pembunuhan jentik-jentik ke dalam kolah atau takungan air



INISIATIF TEMPAT LETAK KERETA

Sebagai inisiatif bagi mengatasi masalah kekurangan Tempat Letak Kereta (TLK) *On-street* di seksyen 52 Petaling Jaya, dua kaedah pelaksanaan telah dilaksanakan seperti berikut:

Menawarkan Kadar Caj Yang Menarik Minat Pengguna

- Bagi menarik minat pengunjung untuk meletakkan kenderaan
- di Kompleks A dan Kompleks C, Majlis telah melaksanakan kadar caj letak kereta ‘Percuma Untuk 1 Jam Pertama’ di kedua-dua kompleks letak kereta tersebut bermula 25 April 2022 yang lalu. Kadar sedia ada RM1.50 bagi jam kedua dan seterusnya adalah terpakai.
- Pelaksanaan parking 1 jam percuma yang ditawarkan oleh Majlis kepada orang awam di Kompleks Letak Kereta Seksyen 52 Petaling Jaya ini telah mendapat sambutan yang baik daripada orang awam dengan jumlah peningkatan pengguna harian kompleks letak kereta sebanyak 14.2 peratus.



Menempatkan Kikitangan Majlis Untuk Meletakkan Kenderaan Di TLK Off-street

- Kikitangan Majlis yang menggunakan TLK *On-street* akan ditempatkan ke TLK kikitangan di kawasan Ibu pejabat MBPJ, Kompleks A dan Kompleks C. Penempatan TLK ini akan meningkatkan jumlah penawaran petak letak kereta sedia ada *On-street* sebanyak 13 peratus kepada pengguna awam di Seksyen 52.



SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengambil serius terhadap keputusan skor dan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International Malaysia pada Januari 2022 yang lalu.

Berdasarkan indeks Persepsi Rasuah tersebut, kedudukan Malaysia dilihat kurang memberangsangkan sejak kebelakangan ini dan ia merupakan isyarat penting untuk kita bersama-sama menanganinya. Kedudukan Malaysia dalam CPI 2021 jatuh ke tangga 62 daripada keseluruhan 180 negara berbanding tangga 57 pada 2020, manakala skor Malaysia turun kepada 48 berbanding 51 pada 2020. Ia berdasarkan tahap persepsi rasuah dalam sektor awam negara dengan mengikut skala 0 (paling korup) hingga 100 (paling bersih).

Antara sebab kemerosotan skor adalah tindakan yang sangat terhad daripada kerajaan dalam membendung aktiviti rasuah politik dan mengukuhkan hak asasi manusia di Malaysia. Oleh yang demikian, sebagai penjawat awam adalah penting untuk mengamalkan sikap integriti, jujur dan telus tidak kira dalam melaksanakan apa jua tugas yang diamanahkan atau dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Ini kerana kegagalan untuk mengawal diri bukan sahaja akan memberi kesan kepada diri sendiri malah kepada ahli keluarga dan mereka yang berada di sekeliling kita.

Sehubungan itu, Majlis mengambil pendekatan awal dengan pihak berkepentingan dan pemegang taruh melalui Program Integriti Bersama Peniaga Dan Sentiasa Mengamalkan Etika Perniagaan yang telah dijalankan bersempena program Raya@PJ pada 20 Mei lalu.

Majlis akan melaksanakan program-program yang berkaitan dengan pihak berkepentingan dari semasa ke semasa. Mogamoga usaha dan iltizam Majlis dapat memupuk nilai murni dan berintegriti di kalangan peniaga yang dapat membawa kebaikan untuk Majlis dan masyarakat umum.





LAWATAN WAKIL PENDUDUK KE FASILITI SELIAAN MBPJ

SS 2, 18 MEI 2022 - MPP Zon 22 telah mengadakan lawatan ke fasiliti-fasiliti di bawah seliaan MBPJ untuk mendapatkan maklumat berkenaan program-program alam sekitar yang dilaksanakan MBPJ yang boleh dimanfaatkan penduduk. Tempat-tempat yang dilawati ialah *Eco-Recycling Plaza* di SS 8, Kompleks C dan Smart Waste Solution Lab di SS 2. Lawatan ini telah membuka minda para peserta berkenaan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk menjaga alam sekitar.



KEM PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA SS 2

SS 2, 14 MEI 2022 - Ahli Majlis Zon 8, En. Wong Swee Sang, Ahli Dewan Negeri Kg. Tunku, YB Pn. Lim Yi Wei, *Touch Community Services* dan Persatuan Penduduk SS 2 Selatan telah menganjurkan kem pemeriksaan kesihatan percuma zon 8. Pemeriksaan kesihatan ini dijayakan oleh kakitangan kesihatan daripada Hospital Assunta, Pusat Pakar Mata KPJ, MBA Chiropractic dan Soundlife.



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022 AHLI MAJLIS ZON 17

PETALING PERDANA, 14 MEI 2022 - Bertempat di gelanggang futsal Persatuan Kebajikan Penduduk Pangsapuri Petaling Perdana telah diadakan majlis sambutan hari raya aidilfitri 2022 anjuran pejabat Ahli Majlis Zon 17 dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Penduduk Pangsapuri Petaling. Majlis ini dimeriahkan dengan kehadiran Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md. Amir dan tetamu jemputan khas yang lain.



HARI KELUARGA TIARA KELANA CONDO

KELANA JAYA, 8 MEI 2022 - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah hadir memeriahkan hari keluarga Tiara Kelana Condo yang bertujuan untuk merapatkan hubungan penduduk. Pelbagai acara menarik berlangsung seperti *pool rolling ball*, *book exchange* dan *BBQ*.



PROGRAM ZIARAH PESAKIT TERLANTAR PEKAWANIS

PPR LEMBAH SUBANG 1, 24 MEI 2022 - Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar, Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan dan Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) telah menziarahi pesakit terlantar di PPR Lembah Subang 1 untuk menyampaikan bantuan kewangan serta bantuan lain terutama bantuan perubatan dan pengangkutan.



SAMBUTAN HARI GURU DAN HARI RAYA KAFA KG. PINANG TUNGGAL

PETALING UTAMA, 19 MEI 2022 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dan MPP Zon 17 telah mengadakan majlis sambutan Hari Guru dan hari raya Aidilfitri KAFA Integrasi Kg. Pinang Tunggal yang dihadiri Pengerusi PIBG, Tuan Hj. Ishak Salleh dan Ketua Guru, Ustazah Janahtun.



BENGKEL DIY URUTAN ASAS

KELANA JAYA, 19 MEI 2022 - Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Ahmad telah mengadakan bengkel DIY urutan asas bersama kira-kira 20 orang wanita daripada golongan B40 dan ibu-ibu tunggal. Peserta diajar teknik urutan asas yang boleh dimanfaatkan kepada diri sendiri dan ahli keluarga.



Saluran ADUAN AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Aduan **ANDA** Keutamaan Kami

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBPJ : **MESRA, CEPAT DAN TEPAT "Kualiti Keutamaan Kami"**

Saluran Utama

: Aplikasi - eAduan MBPJ

: <https://embpj.mbpj.gov.my>

: aduan@mbpj.gov.my

: **011-1201 7914**

: **MBPJ Aduan**
(Waktu & Hari bekerja sahaja)

: Datang sendiri

: **03-7955 1804**

: **03-7954 2020**

: **Surat**

Alamat Surat-menurat : Seksyen Aduan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675, Petaling Jaya, Selangor

Nota Kepada Pengadu : Sila berikan Nama, No. Kad Pengenalan, Alamat, e-mel dan No. Telefon berserta keterangan dan lokasi yang terperinci semasa mengemukakan aduan bagi memudahkan tindakan dan maklum balas

JOM! Bayar Cukai Taksiran Secara Online **ePay@MBPJ**

**SILA JELASKAN CUKAI TAKSIRAN PADA ATAU SEBELUM
PENGGAL 1**

28 @ 29 Februari
Setiap Tahun

PENGGAL 2
31 Ogos
Setiap Tahun



**PEMBAYAR
CUKAI TAKSIRAN**

Sila hubungi :
03-7956 3544



Untuk Semakan Bil Cukai Taksiran, Sila Layari epay.mbpj.gov.my